

LATIHAN PERBANDINGAN SEMACAM

ARAHAN:

Baca petikan terlebih dahulu. Kemudian, tulis perbandingan semacam yang telah anda kenal pasti di ruangan jawapan.

ROCIM Robot Ciptaanku



AKTIVITI



Kenal pasti perbandingan semacam.

Pertandingan mencipta robot hanya tinggal tiga hari lagi. Sudah hampir sebulan aku cuba menggerakkan robot ciptaanku ini tetapi hampa. Kekecewaan ini membuatkan aku menjadi malas seperti keldai, malas untuk meneruskan usahaku selama ini. Hari ini aku sudah bertekad. Aku mesti meneruskan usahaku ini. Aku tidak mahu gagal di tengah jalan. Robot ciptaan yang aku namakan ROCIM ini mesti boleh bergerak hari ini. Ya, hari ini! Bukan esok atau lusa!


JAWAPAN 1:



Aku memasukkan sejenis cecair yang dicipta khas ke dalam badan ROCIM. ROCIM masih tidak bergerak walaupun sudah hampir setengah jam aku menunggu reaksinya. 45 minit kemudian, tiba-tiba mata ROCIM mula berputar ligat seperti gasing. Aku menjerit gembira, gembira yang tidak terhingga. Robotku yang besar macam gajah itu sudah menunjukkan reaksi untuk bergerak. Kini, kakinya pula mula diangkat. ROCIM mula bergerak perlahan-lahan.

JAWAPAN 2:

JAWAPAN 3:



Binaan badan ROCIM yang berat macam batu itu membuat ROCIM bergerak perlahan dan lambat seperti siput. Aku ketawa sendirian melihat gelagat ROCIM. Pada dada ROCIM aku letakkan sekeping kaca tahan lasak yang jernih seperti cermin. Di situlah terpancarnya cahaya yang mengeluarkan abjad untuk aku berkomunikasi dengan ROCIM. ROCIM mula mengeluarkan kata-kata di dadanya. Aku gembira tidak terkata. Robot ciptaanku yang gagah seperti gergasi ini mesti memenangi hadiah utama dalam pertandingan mencipta robot pada tahun ini. Aku mesti menang! Aku mesti!

JAWAPAN 4:

JAWAPAN 5:

JAWAPAN 6:

JAWAPAN 7:

NOTA:

Perbandingan semacam ialah sejenis bahasa kiasan yang menunjukkan **SIFAT** dan **KEADAAN** seseorang secara perbandingan. Kebiasaannya, perbandingan semacam menggunakan perkataan *macam*, *seperti*, *bagai* dan *laksana*.

Contohnya,

- | | |
|----------------------------------|--------------------------------------|
| 1. Abu berani macam harimau. | 3. Bajunya hijau seperti rumput. |
| 2. Ricardo cantik seperti bunga. | 4. Asher berlari pantas bagai kilat. |

LATIHAN KATA ADJEKTIF

Arahan:

Baca petikan di bawah. Kenal pasti kata adjektif warna, bentuk, perasaan dan waktu.



Senaraikan kata adjektif warna, bentuk, perasaan, dan waktu.

Awal pagi lagi, Fateh dan Rafiq telah bertolak ke Litar Formula Satu Sepang. Mereka berasa teruja. Fateh memakai baju-T merah manakala Rafiq berkemeja hitam. Mereka seronok kerana bakal menyaksikan perlumbaan kereta Formula Satu. Mereka gembira kerana mendapat tempat duduk yang strategik. Mereka dapat melihat litar yang bengkok-bengkok,

melengkung dan lurus. Kedegaran pengumuman menyatakan bahawa perlumbaan akan dilewatkan. Mereka kecewa seketika.

Semua kereta Formula Satu telah berada di litar. Sinaran matahari semakin terik. Apabila isyarat perlumbaan dibunyikan, pemandu kereta pantas mengejar kereta lawan. Persaingan antara setiap pelumba juga sangat sengit. Fateh terpegun melihat sebuah kereta keluaran baharu dipandu oleh pemandu terkenal. Badan kereta itu berkilat dan sungguh menakjubkan. Kereta hijau yang berbentuk aerodinamik itu kelihatan begitu bergaya di atas litar.



Fateh dan Rafiq kagum melihat gandar kereta Formula Satu yang kukuh dan kuat. Fateh pernah membaca sebuah buku yang menyatakan bahawa kerangka utama kereta Formula Satu diperbuat daripada gentian karbon supaya tahan lasak. Maka itu, tidak hairanlah jika kereta Formula Satu mampu memecut sepuluh kali lebih pantas daripada kereta biasa.

Fateh dan Rafiq menyaksikan perlumbaan itu sehingga tamat. Walaupun berpeluh-peluh kepanasan, namun mereka sangat puas kerana dapat menyaksikan perlumbaan kereta Formula Satu yang hebat.

ARAHAN:

Sila masukkan kata adjektif ke dalam jadual yang betul.

bengkok-bengkok	teruja	seronok	merah	pagi	lurus
tengah hari	melengkung	hitam	gembira	kecewa	
malam	terpegun	hijau	puas	kagum	petang

Warna	Bentuk	Perasaan	Waktu